

PERSEPSI PENJAGA TERHADAP 'SAR-KAFA' DALAM USAHA MEMBIMBING PELAJAR MENGUASAI KEMAHIRAN ASAS MEMBACA AL-QURAN DI 'SAR-KAFA' KARIAH MASJID KAMPUNG PANDAN SATU, KUANTAN.

Hasmadi bin Hassan
Universiti Malaysia Pahang
hasmadi@ump.edu.my

Abdul Halim Hj.Taib
Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Kajian ini merupakan satu kajian kes bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi "Persepsi Penjaga Terhadap Pembelajaran 'SAR-KAFA' di Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan". Sungguhpun asas kajian adalah untuk mendapatkan rumusan terhadap persepsi penjaga, namun faktor-faktor yang dikaji adalah juga meliputi tahap keyakinan penjaga, kesediaan serta kerjasama penjaga dan lain-lain yang berkenaan. Proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal-selidik sebagai instrumen utama. Kajian ini melibatkan semua penjaga pelajar. Sebanyak 52 set borang soal-selidik telah disediakan dan diedarkan kepada penjaga melalui pihak pengurusan 'SAR-KAFA'. Data-data yang telah dikumpul, dianalisis dengan menggunakan aplikasi perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 23. Darjah kebolehpercayaan (nilai alpha cronbach) bagi item soal-selidik adalah .879. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati bahawa tahap keyakinan penjaga berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 4.4511 sementara tahap kesediaan penjaga adalah lebih tinggi dengan purata min 4.6250. Manakala nilai min bagi persepsi penjaga pula ialah 4.3533. Hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor-faktor yang dikaji telah memberi persepsi awal serta sangat mempengaruhi penjaga terhadap pembelajaran anak ke SAR-KAFA Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan, Pahang dalam usaha melahirkan generasi al-Quran. Walaubagaimanapun didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi, tahap kesediaan, tahap keyakinan dan tahap kerjasama penjaga dengan faktor demografi keluarga pelajar. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu kajian-kajian lanjutan dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan SAR-KAFA.

Kata kunci : Persepsi, Kesediaan, Pembelajaran 'SAR-KAFA'.

PENDAHULUAN

Al-Quran ialah sebuah kitab wahyu yang diturunkan oleh Allah swt kepada umat manusia melalui perantaraan Nabi Muhammad saw yang mana sangat penting dari segi objektif kerana objektifnya ialah berpegang dengan agama Allah yang sumber sebenarnya ialah al-Quran itu sendiri (Ammar Fadzil, Prof. Madya Dr, 2015). Justeru itu, pengajaran dan pembelajaran al-Quran hendaklah dimulakan sejak daripada umur kanak-kanak. Kesedaran ibu bapa / penjaga untuk mendidik anak-anak di bawah jajaan

sangat mempengaruhi halatuju generasi akan datang sesuai dengan sabda Rasulullah saw dalam hadis riwayat Abi Hurairah r.a.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: *كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ.*

Maksudnya: Nabi saw bersabda: “Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanya yang menjadikannya seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim), Najion Jamal, (2012).

LATAR BELAKANG MASALAH

Hasil penyelidikan berkaitan dengan keruntuhan moral dan gejala sosial sejak tahun 1980an hingga kini menunjukkan bahawa faktor utama keruntuhan moral dan pelbagai gejala sosial adalah berpunca daripada krisis keluarga. Kegagalan ibu bapa menyempurnakan amanah, tugas dan tanggungjawab masing-masing menjadi titik tolak keruntuhan institusi keluarga. Pendidikan al-Quran amat relevan pada masa kini dan masa-masa mendatang ke arah pembinaan akhlak, pengukuhan institusi keluarga, pembinaan generasi cemerlang, masyarakat, ummah dan negara (Mustafa Hj. Daud, Professor Madya Dr, 2011). Justru itu penubuhan “Sekolah Agama Rakyat dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain” (SAR-KAFA) oleh pihak `Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah merupakan platform terbaik untuk mendidik para pelajar agar menguasai kemahiran asas membaca al-Quran.

PERNYATAAN MASALAH

Kegagalan membaca al-Quran dengan baik dan sempurna membawa kesan yang negatif dan berkekalan terhadap individu Islam. Masalah yang dihadapi oleh pelajar baik di sekolah, kolej atau institusi-institusi pengajian dalam pembacaan al-Quran (Mohd. Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, Saidi bin Mohd & Nor Rohizan (2018) adalah seperti berikut:

- a. Pelajar kurang lancar membaca al-Quran;
- b. Pelajar kurang menghayati hukum-hukum tajwid;
- c. Pelajar lemah atau sukar menyebut `makhraj` huruf; dan
- d. Pelajar lemah tulisan jawi.

Oleh itu pengajaran al-Quran di peringkat “SAR-KAFA” berperanan amat penting sebagai institusi awal yang berkesan dalam usaha melahirkan generasi al-Quran yang akan menerajui keluarga masa hadapan. Tinjauan kajian melalui pemerhatian secara rawak di “SAR-KAFA” Kariah Masjid Kampung Pandan Satu dan juga melalui beberapa kajian-kajian lepas yang berkaitan menunjukkan bahawa terdapat beberapa permasalahan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

- a. Sebahagian daripada pelajar tahun empat dan lima SAR-KAFA Kariah Masjid Kampung Pandan Satu tidak dapat menguasai pembacaan al-quran dengan memuaskan;

- b. Kurangnya kesediaan ibu bapa dan penjaga untuk menyediakan pelajar agar dapat mengikuti kelas dan pembelajaran bagi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap pembacaan al-Quran;
- c. Pelajar SAR KAFA Kariah Masjid Kampung Pandan Satu tidak boleh mempertahankan bacaan al-Quran selepas meninggalkan alam persekolahan di SAR-KAFA dan meneruskan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah kerajaan;
- d. Pelajar-pelajar tahun 6 tidak meneruskan pengajian di SAR-KAFA; dan
- e. Ibu bapa / penjaga kurang mengambil bahagian dalam aktiviti SAR-KAFA seperti mesyuarat agung tahunan dan lain-lain.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Objektif dan matlamat kajian ini ialah:

- a. Mengenalpasti persepsi penjaga terhadap impak kewujudan `SAR-KAFA` Kariah Masjid Pandan Satu dalam membimbing pelajar menguasai kemahiran asas membaca al-Quran; dan
- b. Menentukan tahap kesediaan penjaga untuk menghantar anak-anak belajar al-Quran di `SAR-KAFA` Pandan Satu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes dan bertujuan untuk menilai persepsi penjaga terhadap kaedah pembelajaran "SAR-KAFA" Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan. Kesemua populasi penjaga pelajar `SAR-KAFA` seramai 52 keluarga adalah merupakan responden kajian ini. Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang dibina oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai subjek kajian yang hampir sama bagi menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dari segi pembacaan, pemahaman kaedah penulisan dan pembacaan serta penghayatan. Input responden terhadap soalan kajian dirumus dengan menggunakan modul perisian `Statistical Packages for Social Science (SPSS) for Windows Version 23.0 software` (SPSS) bagi mendapatkan statistik berkaitan dengan soalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Demografi

Hasil kajian mendapati seramai 46 (88.46%) responden telah mengambil bahagian dalam kajian soal selidik dengan memulangkan semula instrumentasi soal selidik yang telah dikemukakan untuk dianalisis. Status penjaga menunjukkan 38(82.6%) orang penjaga adalah terdiri daripada bapa kandung dan seramai 7 (15.2%) orang penjaga adalah ibu kandung dan hanya seorang sahaja (2.2%) penjaga merupakan bapa angkat. Dari segi tahap pendidikan penjaga; seramai 26 (56.5%) adalah merupakan lulusan SPM / MCE / setara.dan seramai 6 (13.0%) orang penjaga adalah berkelulusan PDL / UPSR / Tamat Darjah 6 / setara. Dari segi sektor pekerjaan; majoriti penjaga adalah bekerja sendiri terdiri dari 21 (47.4%), 13 (28.3%) bekerja kerajaan / badan berkanun dan seramai 12 (26.1%) bekerja disektor swasta. Majoriti penjaga adalah berpendapatan sederhana di mana RM 1000 dan ke bawah seramai 8 (17.4%), RM 1001-2000 seramai 12 (26.1%), RM 2001 – 3000 seramai 13 (28.3%) dan RM 3001 – 4000 seramai 9

(19.6%). Hanya 2 (4.3%) orang penjaga masing-masing berpendapatan RM 4001 – 5000 dan terdapat juga 2 (4.3%) orang penjaga berpendapatan RM 5000 dan ke atas.

Persepsi Penjaga Terhadap Impak Kewujudan `SAR-KAFA`.

Ujian korelasi sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual (1) menunjukkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara “Persepsi Keluarga” dan “Demografi Keluarga” di mana nilai $p = 0.468$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.468 > 0.05$). Dengan ini kedudukan “Demografi Keluarga” pelajar adalah tidak mempengaruhi `Persepsi Penjaga Terhadap Aktiviti Pembelajaran di SAR-KAFA Kariah Masjid Pandan Satu. Nilai korelasi (r) berkisar antara (1) hingga (-1). Nilai pekali korelasi yang diperolehi ialah (-.110) dimana adalah tersangat rendah (Cohen dan Holliday, 1982 & Ghazali Yusri Abd. Rahman, et al, 2016). Ini menunjukkan hubungan atau pengaruh antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu “Demografi Keluarga” dan “Persepsi Penjaga” adalah sangat longgar untuk mempengaruhi antara satu sama lain.

.Jadual 1 : Hasil Ujian Korelasi Antara Persepsi Penjaga dan Demografi Keluarga

| | | Persepsi Penjaga | Demografi Keluarga |
|--------------------|---------------------|------------------|--------------------|
| Persepsi Penjaga | Pearson Correlation | 1 | -.110 |
| | Sig. (2-tailed) | | .468 |
| | N | 46 | 46 |
| Demografi Keluarga | Pearson Correlation | -.110 | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .468 | |
| | N | 46 | 46 |

Analisi Perbezaan

Terdapat hipotesis null yang telah dirumuskan berkaitan dengan tahap keyakinan penjaga terhadap faktor-faktor dibawah demografi keluarga pelajar seperti berikut:-

- a) Hipotesis null 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran “SAR-KAFA” Kariah Masjid Kampung Pandan Satu berdasarkan kepada faktor hubungan penjaga dengan pelajar.

Jadual (2) : Ujian Anova Bagi Tahap Keyakinan Penjaga Berdasarkan Faktor Hubungan Penjaga Dengan Pelajar

| | Sum of Squares | df | Mean Square | F | Sig. (Nilai <i>p</i>) |
|----------------|----------------|----|-------------|-------|---------------------------|
| Between Groups | .876 | 2 | .438 | 2.644 | .083 |
| Within Groups | 7.119 | 43 | .166 | | |
| Total | 7.994 | 45 | | | |

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Melalui ujian yang dijalankan, nilai p yang diperolehi ialah .083 sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual (2) (*Ujian Anova*) adalah lebih besar daripada nilai α (0.05). Maka dengan itu, hipotesis (1) iaitu “*Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran “SAR-KAFA” Kariah Masjid Kampung Pandan Satu berdasarkan kepada faktor hubungan penjaga dengan pelajar*” adalah diterima.

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

Peranan guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sangat penting dalam membentuk individu Muslim berkeperibadian mulia selain berpegang kepada ajaran Islam khususnya berdepan cabaran dalam dunia globalisasi (Borneo Post Online, 2016). Tanggungjawab yang dipikul guru KAFA sama besarnya dengan golongan pendidik lain kerana memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak. Membentuk keperibadian Muslim mantap perlu bermula di peringkat awal ketika kanak-kanak masih di usia muda. Ini amat penting dalam mencorakkan keperibadian seseorang untuk memberi panduan hidup agar tidak terjebak dalam aktiviti maksiat (Mastura Ismail, 2016). Menurut Alis bin Puteh (2008); pengajaran ialah satu proses kompleks, yang memerlukan kepelbagaian aktiviti jika sesuatu proses pembelajaran itu ingin berjaya. Pengajaran akan gagal sekiranya hanya satu pihak sahaja yang terlibat. Pengajaran yang berjaya akan menghasilkan suatu perubahan terhadap tingkah laku dalam diri pelajar.

Justeru itu, pendidikan ‘SAR-KAFA’ seharusnya mengambilkira segala faktor dan amalan pendidikan serta tidak mengabaikan psikologi pendidikan sebagaimana yang telah diutarakan bagi memperkasa pendidikan al-Quran. ‘SAR-KAFA’ adalah institusi awal yang telah diberi kepercayaan oleh semua pihak untuk menggalas tanggungjawab bagi mengujud serta melatih pelajar-pelajar supaya menjadi insan yang celik dan menjiwai al-Quran. Pembentukan generasi al-Quran yang unik bukan boleh dicapai sekelip mata dengan angan-angan dan ucapan sahaja, tetapi mestilah dengan amalan yang sungguh-sungguh; bermula dari zaman kanak-kanak diasuh, dididik dengan secukupnya kearah mencintai al-Quran dan seterusnya menghayati al-Quran. Usaha ini melibatkan pelbagai peringkat bermula dari peranan pemerintah, pemimpin-pemimpin masyarakat, pendidik, ibu-bapa / penjaga dan seterusnya memupuk disiplin di kalangan pelajar (Hasan Mahmud Al- Hafiz, 2014).

RUJUKAN

- Abdul Halim Hj. Taib (2015). *Tahap Kefahaman Fardhu Ain Pelajar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan*. Kertas Projek Sarjana Muda Pengajian Islam (Fakulti Sains Sosial Gunaan) Universiti Terbuka Malaysia.
- Alis bin Putih (2008). *Proses Pengajaran Dan Pembelajaran di Sekolah-sekolah Luar bandar: Satu Kajian di Kubang Pasu, Kedah*. Conference Paper: Seminar Pendidikan UTM Mei 2008.
- Ammar Fadzil, Prof Madya Dr (2015). *AMST 5103, Isu Kontemporari Dalam Kajian Tafsir*. Pusat Reka Bentuk dan Teknologi Pengajaran, Open University Malaysia.
- Azizi Umar, Supyam Hussin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Bashah, Mohd. Kamal Radiman & Abdul Fattah Pardeon (2013). *Masalah Pengurusan Dan Keperluan, Sekolah Agama Rakyat (SAR) / Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA), Persendirian di Selangor*. Pusat Pengajian umum Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Bani Hidayat bon Mohd Shafie, Norhayati Fatmi Talib. *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim*. IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor & Politeknik Banting, Selangor.
- Ghazali Yusri Abd. Rahman, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Muhammad Adsyad Abdul Majid, Muhammad Sabri Sahrir (2016). *Persepsi Terhadap Pensyarah dan Hubungannya dengan Tahap Kawalan Kepercayaan Pembelajaran Bahasa Arab*. Kertas Kerja Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA dan Fakulti Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan , Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Hasan Mahmud Al-Hafiz (2014). *Muqaddam Al-Quran Rasm Uthmani*. DINI Publisher, A 27- Tingkat Pertama Wisma Yakin, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur.
- JAKIM (2018). Koleksi Hadith. Muat turun : <http://ii-islam.gov.my/hadith/detailed.php?id=2>.
- Mastura Ismail (2016). *Peranan Guru KAFA Penting Bentuk Muslim Sejati*. Borneo Post Online. Muat turun dari: <http://www.theborneopost.com/2016/05/22/peranan-guru-kafa-penting-bentuk-muslim-sejati/>. Available : 22/07/2017
- Mustafa Hj. Daud, Profesor Madya Dr (2011). *Pendidikan Keibubapaan : Satu Penilaian Ringkas*. Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kodnitif dan Pendidikan , Universiti Utara Malaysia.